



CERTIFIED ISO 9001
REGISTRATION NO. QMS-0101

buletin *Selangorku Sayang*

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

EDISI
MEI
JULAI
02/19

KARNIVAL 3W PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

DENGAN TEMA

DENGGI ASEAN DAN HARMONI

06 Julai 2019 | 6.30am - 10pm
At Lapangan Terbuka Awam, Seksyen 12, Selayang



KARNIVAL 3W PERINGKAT MPS

LEBIH 5,000
PENGUNJUNG
HADIR MERIAHKAN
KARNIVAL



06

Majlis Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang



10

Sambutan Hari
Penguatkuasa Ke-37



08

Sambutan Hari Raya
Aidilfitri Peringkat MPS



@mpselayang



@mpselayang



@ mp selayang

Dari Meja YDP

BIL 1/2019 | JAN - APRIL



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dato' Juhari B. Ahmad
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Mohamad Zin B. Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi B. Ishak
ahmad_fauzi@mps.gov.my

PENGARANG
Cik. Nuratikah Hanim Bt. Mohd Sakri
norillyana.roslan@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza Bt. Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my
Pn. Noraswalzihq Bt. Ibrahim
noraswalzihq.ibrahim@mps.gov.my
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman
sitimaisarah.abrahman@mps.gov.my
En. Elley Roulzee B. Ahmad Samsuddin
elleyroulzee.asamsuddin@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis B. Naseri
afzairis91@gmail.com
En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun B. Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera

Assalamualaikum W.B.T, Dan salam Sejahtera

Bersukur ke hadrat Allah S.W.T.kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bertemu dalam ruangan ini. Saya mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi kerana telah bertungkus lumus menerbitkan buletin edisi bil 2/ 2019.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Majlis Perbandaran Selayang 2018

Majlis APC merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga MPS yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan MPS sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dan yang lebih penting ianya dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan dan penduduk Selayang amnya.



Majlis APC yang merupakan acara tahunan MPS dinilai berdasarkan Sistem Saran Malaysia (SSM) pada setiap tahun. Pada tahun ini, seramai 88 orang telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (APC), 21 orang pesara turut dipilih sebagai penerima Anugerah Jasamu Dikenang dan terdapat juga Anugerah Khidmat Lama melebihi 25 tahun turut diberikan kepada kakitangan yang telah lama berkhidmat.

Anugerah ini adalah merupakan satu penghargaan ataupun 'rewards' yang pihak MPS berikan kepada jabatan, jawatankuasa mahupun individu yang berjaya membawa pulangan keoada MPS baik dari segi pendapatan, penjimatan kos ataupun peningkatan imej majlis di peringkat MPS mahupun negeri.

Peningkatan Produktiviti Dan Kualiti Kerja

Dalam usaha mencapai kecemerlangan, perkhidmatan yang pantas dan berkualiti merupakan kunci utama kepada kejayaan dan survival sesebuah organisasi. Justeru, dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, saya menyeru agar semua kakitangan MPS bekerja dengan amanah, ikhlas dan berdedikasi serta mengamalkan "Good Work Ethic" dalam memenuhi ekspektasi pelanggan, selain dapat mengimplementasi konsep niat suci hati (good faith) dalam menjalankan tugas masing-masing.

Seluruh kakitangan semua haruslah berupaya untuk mengenal pasti peranan masing-masing dalam menjalankan tugas serta objektif dan sasaran yang telah ditetapkan pihak pengurusan. Insha-Allah, kita akan mampu menghasilkan modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Sekian, Terima kasih.

YBHG. DATO DR. JUHARI BIN AHMAD
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

HARI SIFAR DENGI & HARI BAPA MENJADI TEMA 3W PERINGKAT MPS

KARNIVAL 3W (Women, Welfare, Wellness) peringkat Majlis Perbandaran Selayang telah berlangsung di Padang Awam Batu Caves pada 6 Julai 2019 yang lalu.

Karnival ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran pengunjung hampir 5,000 orang. Karnival 3W ini merupakan program anjuran pihak Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang.

Program ini adalah merupakan program keenam bagi karnival 3W, di mana pada kali ini, karnival 3W ini bertemakan sambutan Hari Denggi ASEAN dan Hari Bapa peringkat Negeri Selangor Tahun 2019.


Karnival ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Haji Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dengan mengangkat tema Hari Denggi ASEAN dan Hari Bapa. Turut hadir bersama adalah YABhg. Puan Masdiana bin Muhammad, isteri Dato' MB Selangor, YB Dr Siti Mariah Binti Mahmud, EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan

Keluarga Negeri Selangor, Ahli-Ahli Majlis MPS Serta wakil-wakil kerajaan, agensi dan penduduk.

Karnival yang berlangsung selama sehari ini telah menyediakan pelbagai aktiviti yang manarik, antaranya Pertandingan Plogging 10,000 langkah Basmi Denggi, Pertandingan Futsal, Bengkel Keusahawanan Wanita Strata bersama Pusat Berdaya Wanita dan Pertandingan Gasing 'Hero Bayblade' Bapa dan Anak.

Selain itu, pada sebelah malam pula telah berlangsung Sesi Talk Show – Papaku Adiwira, Mamaku Kejora : "Bapa Hebat dan Keluarga Unggul" bersama artis undangan Norman Hakim dan Memey Suhaiza. Majlis penutup karnival pada malam tersebut diakhiri dengan acara memotong kek sambutan Hari Bapa Karnival yang disempurnakan oleh YB Dr Siti Mariah Binti Mahmud, EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Karnival berakhir pada jam 10.30 malam.





LAUAN BAS KAWASAN RAWANG

WAKTU OPERASI:
SETIAP HARI
6.00 PAGI – 10.00 MALAM

- TESCO RAWANG
- RUMAH PKNS BT 16
- TAMAN KANCHING
- TAMAN TUN TEJA
- APARTMENT TUN TEJA
- SRA AL-HIDAYAH
- SK TUN TEJA
- TAMAN MUHIBBAH
- SM TUN PERAK
- PANGSAPURI BERINGIN
- SURAU AL-RADHIYAH
- TAMAN BERSATU
- TAMAN BERSATU FASA 3
- BATU 17 RAWANG
- KTM RAWANG
- MYDIN RAWANG
- TERMINAL BAS & TEKSI RAWANG

HOTLINE
03-61265800
1800-222-677


www.selangor.gov.my



Selangor State Government



Aplikasi Mobile STARS MPS



APLIKASI ADUAN MPS
Muat Turun Di



MAMPAN • PROGRESIF • SEJAHTERA



Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018

MAJLIS Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Majlis Perbandaran Selayang tahun 2018 telah berlangsung pada 18 Jun 2019 (Selasa) bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis telah disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Hilman Bin Idham, Setiausaha Politik Menteri Hal Ehwal Ekonomi merangkap Ahli Dewan Negeri Gombak Setia.

Turut hadir pada majlis ini adalah YBhg. Dato' Dr Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS, YBrs. Tuan Haji Az'har Bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah Jabatan. Seramai 88 orang penerima APC 2018 telah menerima anugerah ini, antaranya sijil simpanan premium BSN bernilai RM 1,000 beserta sijil penghargaan. Bagi penerima APC yang telah berkhidmat lebih dari 25 tahun akan turut menerima sijil simpanan premium BSN bernilai RM 2,000 beserta sijil penghargaan.

Turut diraikan seramai 22 orang pesara dan mereka telah menerima simpanan tabung haji dan sijil simpanan premium BSN bagi yang bukan beragama Islam bernilai RM 500.00 beserta sijil penghargaan. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua penerima APC 2018.





PN. ZULAINA BINTI ABDUL TALIB
Pegawai Tadbir (N48)
Jabatan Audit Dalam
Majlis Perbandaran Selayang

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang MPS di atas anugerah ini yang saya kira menghargai khidmat dan usaha saya sepanjang saya berkhidmat di MPD amNYA DAN DI jaBATAN kHIDMAT pENGURusan kahsnya. Anugerah ini juga akan memberi semangat kepada saya untuk meberikan yang terbaik terhadap tanggungjawab saya yang baru sebagai Pengarah di Jabatan Audit Dalam.



LAr. SYAMSUL ARIF MAHMUD
Arkitek Landskap (J44)
Jabatan Landskap
Majlis Perbandaran Selayang

Saya ingin mengucapkan terima kasih diatas kepercayaan MPS memberikan Anugerah APC ini kepada saya. Anugerah ini membuatkan saya lebih bersemangat untuk memberikan yang terbaik kepada MPS.




LAr. SYAMSUL ARIF MAHMUD
Arkitek Landskap (J44)
Jabatan Landskap
Majlis Perbandaran Selayang

Saya ingin mengucapkan terima kasih diatas kepercayaan MPS memberikan Anugerah APC ini kepada saya. Anugerah ini membuatkan saya lebih bersemangat untuk memberikan yang terbaik kepada MPS.



RUMAH TERBUKA *Aidilfitri* MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019 peringkat Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 18 Jun 2019 bertempat di perkarangan Menara MPS. Majlis telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, YAB Tuan Haji Amiruddin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama tetamu dif-dif jemputan yang lain.

Pada majlis tersebut, YAB Dato' Menteri Besar telah menyampaikan sedikit bincangan amanat beliau bersempena majlis tersebut. Antara yang turut hadir ke majlis rumah terbuka ini adalah Yang Berhormat Ahli Parlimen Selayang dan Ahli-Ahli Dewan Negeri, Yang Dipertua PBT-PBT Selangor, Pegawai Daerah Gombak, wakil-wakil agensi kerajaan, mantan-mantan YDP & TYDP MPS dan ahli-ahli majlis MPS.

Antara pengisian majlis rumah terbuka pada kali ini adalah persembahan kebudayaan oleh penari jemputan dan persembahan nyanyian akustik oleh D'Xoras Buskers MPS. Selain itu, majlis juga telah dimeriahkan dengan pertandingan persembahan aidilfitri oleh kakitangan MPS. Majlis berakhir pada jam 4.00 petang.





SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA KE-37 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

MPS telah menganjurkan Perhimpunan Bulan Julai dan Sambutan Hari Penguatkuasa MPS ke-37 pada 1 Julai 2019. Sambutan ini telah diadakan di Dataran MPS dan telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS.

Sambutan Hari Penguatkuasa ke-37 ini merupakan kali pertama diadakan secara besar-besaran melibatkan seluruh warga MPS. Turut hadir memeriahkan majlis ini adalah Ahli-Ahli Majlis MPS dan para pengarah MPS.

Tujuan sambutan ini diadakan adalah bagi memperingati penubuhan Jabatan Penguatkuasa yang telah lama menyumbang khidmat di MPS iaitu selama 37 tahun sejak tertubuhnya Majlis Daerah Gombak. Selain itu juga, sambutan ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua anggota

penguatkuasa MPS bagi meningkatkan lagi keazaman, mutu kerja demi kemajuan dan kecemerlangan MPS.

Sambutan ini melibatkan seramai 150 orang anggota penguatkuasa dan 250 orang warga MPS yang turut serta memeriahkan majlis. Selain perbarisan, sambutan turut dimeriahkan dengan pengisian pelbagai aktiviti seperti Acara Pemakaian Pangkat kepada Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS, Penyampaian Anugerah Khas kepada 2 anggota penguatkuasa yang telah berkhidmat selama 37 tahun, persempahan kawad senyap, pameran dan lain-lain lagi.

Majlis ini berakhir dengan persempahan Tambo oleh Pasukan Tambo Rejimen 502 Askar Wataniah Angkatan Tentera Malaysia dan demonstrasi tunda kenderaan.





BENGKEL ANALISA JURANG DOKUMENTASI DAN KEPERLUAN BAGI SISTEM PENGURUSAN KUALITI **KESELAMATAN MAKLUMAT**

BAHAGIAN Inovasi Dan Kualiti, Jabatan Korporat telah mengadakan bengkel pembukaan dan penutup bagi Bengkel Analisa Jurang Dokumentasi Dan Kelperluan Bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 Dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) ISO 37001:2016 yang berketetapan pada 9-10 Julai 2019 bertempat di Dewan Keraian, Tingkat 8, Menara MPS.

Bengkel ini telah melibatkan seramai 50 orang peserta bertujuan untuk mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh setiap Jabatan/Bahagian/Unit di MPS dalam pelaksanaan dan pensijilan ISO 9001 dan ABMS 37001 serta cadangan skop pelaksanaan MPS. Selain itu, prosedur dan proses-proses berkaitan ISO 9001 juga dapat ditambah baik berpandukan kepada penemuan-penemuan Audit Pensijilan SIRIM yang telah diadakan pada Tahun 2017 dan Audit Pemantauan SIRIM pada tahun 2018 dan juga yang akan diadakan pada bulan Oktober/November 2019.



KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT WILAYAH PANTAI TIMUR (RTEX) 2019 **MPS MERAIH ANUGERAH EMAS**

KONVENSYEN Team Excellence Peringkat Wilayah Pantai Timur (RTEX) 2019 anjuran Malaysia Productivity Cooperation (MPC)

Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Pantai Timur (RTEX) 2019 anjuran Malaysia Productivity Cooperation (MPC) telah berlangsung pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2019 bertempat di Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan.

Konvensyen Peringkat Wilayah Pantai Timur ini telah disertai oleh 37 kumpulan dan Majlis Perbandaran Selayang telah menghantar satu Kumpulan yang di beri nama Promosyst. Kumpulan ini terdiri daripada 7 orang peserta. Projek yang telah dipertandingan adalah Pengurusan Pemantauan Projek Teknikal Kurang Efektif. Kumpulan ini mewujudkan sistem yang dinamakan E-Promosyst dan telah meraih Anugerah Emas.



BENGKEL KECANTIKAN WANITA

MPS PERLU RM192 RIBU UBAHSUAI KEMUDAHAN

YANG Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor telah membuat tinjauan ke Pusat Tahanan Haiwan MPS di Taman Industri Integrasi Rawang pada 26 Mac 2019. Tujuan lawatan adalah untuk menilai cadangan MPS memohon bantuan kewangan untuk menaik taraf pusat tersebut dengan anggaran sebanyak RM192,750.00 meliputi kos membaikpulih kemudahan dan fasiliti. Pusat Tahanan Haiwan yang berkeluasan

anggaran 0.5 ekar ini telah dibina pada tahun 2008 sebagai pusat tahanan kawalan anjing dan kucing liar serta kawalan binatang ternakan berkeliaran seperti lembu dan kambing. Dalam lawatan berkenaan, YB Tuan Ng Sze Han berhasrat agar Pusat Tahanan Haiwan MPS ini dapat diubahsuai menjadi sebuah pejabat yang mempunyai ruang menunggu untuk dijadikan Pusat Setempat bagi Program Adopsi Haiwan Terbiar. MPS juga turut mempunyai Program GIDOP (gift & adopt) bagi orang ramai yang ingin menghantar haiwan-haiwan peliharaan

dan terbiar. Program ini juga membolehkan orang ramai untuk membela haiwan-haiwan seperti kucing dan anjing tanpa dikenakan sebarang bayaran. Dengan adanya program seperti ini, masyarakat tidak membuang haiwan-haiwan peliharaan di kawasan awam sebaliknya diserahkan kepada Unit Kawalan Haiwan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS. Turut serta dalam lawatan rasmi berkenaan adalah Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, ADN Rawang, Ahli-Ahli Majlis MPS, pengarah-pengarah jabatan.

LAWATAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM **MEMPELAJARI SISTEM ADUAN**



MPS telah menerima kunjungan 23 orang kakitangan dari Bahagian Pengurusan Aduan Awam MBSA yang diketuai oleh Encik Azlan bin Dollah, Timbalan Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Korporat MBSA. Dalam program lawatan ini, pihak MBSA telah diberikan penerangan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Korporat MPS, Encik Ahmad Fauzi Ishak berkenaan MPS dan pengurusan aduan di MPS selain perbincangan dan perkongsian way forward MPS seperti Buku Panduan Aduan MPS, Call Centre Aduan dan Integrasi Sistem Aduan. Rombongan MPSA juga telah dibawa melawat ke Kaunter Aduan untuk melihat proses pengurusan Sistem Aduan STARS, Kaunter Khidmat Pelanggan dan seterusnya ke Jabatan Korporat.

LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI **ERAT KERJASAMA PBT**

ANULAE cawangan MPS amat berbesar hati menerima kunjungan daripada ANULAE cawangan MP Kulai pada 19 Jun 2019 (Rabu) bertempat di Bilik Anggerik, Tingkat 9 Menara MPS. Kunjungan ini telah dihadiri seramai 40 orang yang diketua oleh YBrs. Sr. Dr. Haji Soeb Bin Pawi, Pengerusi ANULAE cawangan MP Kulai. Kunjungan ini telah disambut oleh Tuan Haji Jamaluddin Bin Mat Dari, Pengerusi ANULAE cawangan MPS. Antara pengisian lawatan ini ialah taklimat tentang Majlis Perbandaran Selayang yang telah disampaikan oleh En Mohamad Zin Bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS. Program diteruskan dengan taklimat tentang ANULAE cawangan MPS yang telah disampaikan oleh pengerusi ANULAE MPS. Majlis berakhir pada jam 12 tengahari dengan sesi penyampian cenderahati dan makan tengahari.



BAZAR RAMADAN MAMPAN

AMALAN HIJAU DI BAZAR RAMADAN

PELANCARAN Bazar Ramadan Mampan Dan Kempen Amalan Hijau MPS tahun 2019 telah diadakan pada 15 Mei 2019 bertempat di Bazar Ramadan Taman Greenwood, Batu Caves. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Hee Loy Sian, Pengurus Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor. Hadir bersama Dato' Dr Juhari Bin Ahmad, Timbalan YDP MPS dan Puan Anfaal Bin Saari, Ahli Majlis Zon 3 MPS. Program yang merupakan program

tahunan anjuran pihak Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor dengan kerjasama MPS ini bertujuan untuk menggalakkan para peniaga bazar ramadan mengamalkan ciri-ciri peniaga yang berhemah seperti mematuhi etika penyediaan makanan, tidak menggunakan bekas-bekas styrofoam, mengitar semula minyak masak dan sebagainya. Disamping itu, turut diadakan juga kempen amalan hijau bagi menerapkan kesedaran orang ramai

untuk mengambil inisiatif dengan membawa beg kitar semula dan bekas makanan sendiri bagi mengehadkan penggunaan plastik dan bekas polisterin. Program diakhiri dengan sesi lawatan YB sekitar bazar ramadan sambil menyantuni peniaga dan pengunjung dengan mengedarkan cenderahati serta bubur lambuk.



MEMASAK BUBUR LAMBUK

MERAPATKAN UKHWAH BERSAMA KAKITANGAN MPS

SEMPENA bulan Ramadan 1440H , satu Program Memasak Bubur Lambuk oleh warga MPS telah diadakan pada 15 Mei 2019. Program yang telah diadakan di Perkarangan Menara MPS ini adalah anjuran bersama MPS dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad, Pemangku Yang Dipertua MPS. Turut serta dalam program ini adalah Ahli-Ahli Majlis MPS, pengarah-pengarah jabatan dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor yang turut terlibat dalam memasak bubur lambuk. Uniknya, Program Memasak Bubur Lambuk pada tahun ini adalah bertemakan pakaian sukan jabatan dan melibatkan hampir 210 orang warga MPS. Program yang menjadi acara tahunan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial warga MPS kepada masyarakat setempat sempena bulan yang mulia ini di

samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim. Program yang bermula pada jam 9.00 pagi ini selesai pada jam 12.30 tengah hari dengan aktiviti pembungkusan secara gotong royong. Sebanyak 4000 bekas bubur lambuk dihasilkan untuk diagiikan kepada kakitangan MPS, agensi-agensi kerajaan berhampiran dan juga pengunjung Bazar Ramadhan.



PROGRAM KEMBARA RAMADAN MPS

MPS MENYAMPAIKAN SUMBANGAN RAMADAN

KEMBARA Ramadan MPS 2019 anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPS (KSDK) telah diadakan pada 24 Mei 2019 bertempat di hadapan Lobi Menara MPS. Kembara pada kali ini turut melibatkan pasukan bermotor dari Kelab Kebajikan Amal Permotoran serta staf MPS sendiri. Tiga lokasi telah dikunjungi iaitu Kampung Orang Asli Kuang Ulu, Masjid Nurul Yaqin Sri Kundang dan Rumah OKU Titian Nur Batu 16 Rawang bagi menyampaikan hasil sumbangan Ramadan pada tahun ini



PROGRAM IHYA RAMADAN

MPS MERAIKAN ANAK YATIM DAN GOLONGAN ASNAF

MPS telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama staf serta anak yatim pada 24 Mei 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Pada tahun ini, MPS menyantuni anak-anak yatim dari Rumah Pertubuhan Baitul Lathofah bagi menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai, barang keperluan serta duit raya. Diharap bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung serta memberi keceriaan dalam menyambut bulan Ramadhan serta meraikan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAM DYMM SULTAN SELANGOR **SULTAN SELANGOR SAMPAIKAN SUMBANGAN RAMADAN**



DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan perasmian Masjid Al-Falah, Taman Tun Teja di Rawang pada 21 Mei 2019. Masjid yang telah mula beroperasi pada 2 Februari 2018 yang menelan kos sebanyak RM10 juta dan mampu menampung sehingga 2,000 jemaah pada satu-satu masa.

Keberangkatan Baginda diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar

Selangor, Tuan Amirudin Bin Shari dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali.

Pada majlis Ihya' Ramadan itu juga, Baginda turut menyerahkan sumbangan Aidilfitri RM500 setiap seorang kepada 79 asnaf fakir, 207 asnaf miskin dan 193 mualaf membabitkan jumlah zakat RM224,500. Baginda kemudian berbuka puasa bersama penduduk setempat dan menuai solat Maghrib berjemaah diikuti solat Isyak serta Terawih.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAM DYMM SULTAN SELANGOR **RAJA MUDA SELANGOR SAMPAI SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK YATIM**

DYMM Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit. Fusce sem diam, cursus in vulputate ac, ullamcorper vulputate turpis. Etiam luctus nisi dui, ut posuere dolor condimentum at. Phasellus accumsan mauris vitae erat fringilla, ac malesuada sem euismod. In hac habitasse platea dictumst. Mauris placerat sem et lectus viverra rutrum. Donec eget justo magna. Sed iacus quam, porttitor scelerisque ex et, egestas rhoncus velit.

Curabitur vitae sem velit. Proin lectus magna, pharetra eu dolor id, eleifend finibus turpis. Morbi non dictum dolor, at eleifend massa. Aenean et mi non risus gravida sagittis ac id magna. Nunc vestibulum vitae libero sit amet rhoncus. Integer vitae magna augue. Cras vel nibh ut ipsum sodales efficitur. Donec sit amet enim eget diam euismod fermentum. Cras lacinia sit amet velit eget mollis. Vestibulum vel lacus a est ultricies elementum et nec metus.



AUDIT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

ANALISIS PELAKSANAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI MPS

AUDIT Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah berlangsung pada 18 April 2019. Lawatan audit daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap pematuhan dan juga pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga untuk mendapatkan garis asas untuk membuat analisis ke atas pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di sektor perkhidmatan awam.



PROGRAM PEMENTORAN

Majlis Perbandaran Selayang 2019

PROGRAM Pementoran atau lebih dikenali sebagai “MENTOR – MENTI” dilaksanakan selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 18 Tahun 2005 - Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia dan Surat Pekeliling Bilangan 8 Tahun 2010 - Panduan Pelaksanaan Pementoran Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) dengan kerjasama Penceramah dari Setiausaha

Kerajaan Negeri Selangor, Puan Faridah binti Abdul Jalil @ Abas – Pegawai Psikologi (2) dan AKRAB telah berjaya mengadakan Taklimat Pementoran pada 25 Julai 2019 yang lalu.

Tahniah diucapkan kepada 4 orang ahli AKRAB yang telah dipilih sebagai MENTOR dalam Program Pementoran MPS 2019 yang akan berlansung selama 3 bulan dan dijangka tamat sekitar bulan Oktober 2019.



SENARAI MENTOR - MENTI :

Mentor

- Hairuddin bin Daud (AKRAB)
- Suhaila binti Abd.Hamid (AKRAB)
- Azhar bin Che Salleh (AKRAB)
- Siti Rohana binti Hamid (AKRAB)
- Fazrina binti Ashaari
- Mohd Yunus Bin Mohamad Rasidibhib

Menti

- Syairah binti Zahidi Bakri
- Mohd Azaham bin Azahari
- Nuratikah Hanim binti Mohd Sakri
- Nur Syafiqah binti Dzulkifli
- Nurul Akmal binti Rahim
- Mohd Rasyid bin Ibrahim

OPERASI

OPERASI BERSEPADU

ROBOH Struktur Gerai Tanpa Kebenaran di Taman Indah Perdana

SEBUAH gerai di Taman Indah Perdana yang tidak mempunyai lesen telah dirobohkan dalam satu operasi yang telah dijalankan pada 17 Mei 2019 oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS.

Operasi ini turut disertai oleh Puan Norhayati Bt Ahmad, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS, 50 orang penguatkuasa MPS, 6 orang daripada Jabatan pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan 5 orang anggota PDRM.

Serbuan ke atas gerai tersebut berikutan daripada aduan orang ramai serta hasil risikan dan maklumat daripada orang awam . MPS telah mengambil tindakan di bawah Seksyen 46(1)a (Roboh)-Akta Parit dan Bangunan 1974-Mendirikan apa-apa struktur atau tiang di tempat awam.



OPERASI PEROBOHAN GERAI TERBIAR GERAI HARAM DIROBOH



SATU lagi operasi perobohan melibatkan halangan struktur atap (gerai lama) yang terbiar di tepi jalan awam tanpa permit telah dijalankan di Kawasan Industri Kundang, Kundang Jaya pada 8 Julai 2019. Operasi ini melibatkan 15 anggota penguatkuasa MPS, dua orang daripada Jabatan Pengurusan Sisa pepejal MPS dan 1 orang daripada Jabatan Kejuruteraan. Tindakan diambil di bawah Seksyen 46(1) a(Roboh)-Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Operasi ini telah berjalan dengan lancar dan tiada halangan daripada mana-mana pihak.

OPERASI PUSAT HIBURAN KARAOKE (HOLIDAY KTV) DI TAMAN BELMAS JOHAN, RAWANG MPS ROBOH STRUKTUR HARAM

SERBUAN ke atas sebuah pusat Hiburan Karaoke (Holiday KTV) yang menjalankan operasi perniagaan tanpa lesen di Taman Belmas Johan, Rawang telah diadakan pada 21 Jun 2019. Dalam operasi berkenaan, MPS telah mengambil tindakan dengan menyita premis tersebut di bawah Seksyen 6 (01 Sitaan) - Enakmen Hiburan dan Tempat2 Hiburan (Sel) 1995.

Operasi yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MPS ini turut disertai oleh Puan Norhayati Binti Ahmad, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS dan 60 orang penguatkuasa MPS .

MPS akan meneruskan operasi ini secara konsisten dan pemantauan juga akan dilakukan dari semasa ke semasa agar operasi perniagaan tanpa lesen dapat dikawal dan memastikan para peniaga mematuhi segala peraturan dan syarat perniagaan.

dirobohkan ini akan dinaiktaraf dan dijadikan kawasan parkir bagi pengunjung Tasik Biru. Langkah yang diambil oleh MPS ini juga merupakan satu usaha untuk menarik pengunjung datang beriadah di Tasik Biru Kundang



KEMPEN QURAN HOUR 2019

SATU PERMULAAN BERINTERAKSI DENGAN AL-QURAN

BERSEMPENA dengan kempen #QuranHour yang disambut di seluruh dunia pada hari ini, Majlis Perbandaran Selayang turut mengadakan sesi bacaan Al-Quran selama satu jam melibatkan hampir 50 orang kakitangan Majlis Perbandaran Selayang.

Kempen Quran Hour pada tahun ini menampilkan tema Dunia Berbudi & Penyayang bertujuan sebagai tali untuk menyatukan ummah.



AMBANG SYAWAL

IMARAHKAN RAMADAN MULIAKAN SYAWAL

BAGI menyambut ketibaan bulan Syawal, untuk kesekian kalinya KSDK MPS mengadakan Majlis Sambutan Ambang Syawal Tahun 1440H pada 30 Mei 2019 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis ini telah dihadiri oleh Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, TYDP MPS, ahli majlis,

pengarah jabatan dan kakitangan MPS yang beragama islam.

Antara pengisian sambutan pada kali ini adalah sesi ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Haji Muhamad Hafiz Bin Haji Muhamad Haneefa

atau PU Hafiz. Majlis selepas itu disusuli dengan acara penyampaian buah tangan hari raya oleh pihak KSDK MPS kepada semua kakitangan MPS.

**PERHIMPUNAN BULANAN MPS**

MEI



Penyampaian Simpanan SSPN-i Bagi Anak-Anak Pegawai MPS

JUN



Penyampaian Anugrah Reward YDP

JULAI



Majlis Persaraan Tuan Suliman Bin Abd Rahman, Yang Dipertua MPS



PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM SISTEM PENARAFAN BINTANG PBT (SPB-PBT) **PENARAFAN 5 BINTANG**

MPS telah berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2018 dengan peratusan sebanyak 97.1%.

Kriteria penilaian ke atas sistem penarafan ini dibuat adalah melibatkan pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan

dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk. Ini membuktikan bahawa MPS telah pun menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencapai kriteria yang telah ditetapkan.

Anugerah yang telah diadakan di Foyer SUK, Bangunan SSAAS pada 9 Julai 2019 ini

telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru dan dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Majlis bersurau pada jam 11.00 pagi selepas sesi bergambar dan jamuan makan.



TAKLIMAT DAN GARIS PANDUAN PeBT

TADBIR URUS PENGERAK BELIA TEMPATAN



Majlis suai kenal dan taklimat pelantikan Pengurus PeBT MPS bagi sesi 2018/2020 telah diadakan pada 14 Mei 2019 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Juhari bin Ahmad, TYDP MPS dan dihadiri oleh ahli-ahli majlis dan pengarah-pengarah jabatan. Turut hadir bersama adalah Encik Jestin Raj Savarimuthu, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Belia, Majlis Sukan Negeri Selangor.



JELAJAH DAERAH GOMBAK

D.Y.T.M. RAJA MUDA SELANGOR BERSAMA ORANG-ORANG BESAR ISTANA

DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli ke Daerah Gombak bersama Orang-Orang Besar Istana di mana berlangsungnya siri jelajah ini selama 3 hari berturut-turut. Jelajah DYTm Raja Muda Selangor kali ini turut menemukan Baginda dengan rakyat dengan dibawa melawat mesra ke destinasi-destinasi menarik dan lokasi-lokasi terpilih di setiap daerah. Lawatan Baginda diringi oleh Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Gombak Setia, Yang Berhormat Tuan Hilman bin Idham, Orang Besar Daerah (OBD), Yang Dihormati Tan Sri Wan Mahmud Pa' Wan Teh, Pegawai Daerah Gombak, Yang Berbahagia Datuk Amirul Azizan bin Abdul Rahim dan Timbalan Yang Dipertua MPS, Yang Berbahagia Dato' Juhari Bin Ahmad.

Dalam program ini, baginda telah berkesempatan melawat ke Kampung

Kerdas, Kampung Changkat Batu Caves, laluan Rawang Bypass, Institut Kraf Negara (IKN), Kampung Orang Asli Ulu Kuang, Tasik Biru Kundang, Tapak Warisan Batu Arang dan kilang-kilang perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di sekitar Gombak. Mengakhiri jelajah, Baginda diiringi Dato' Menteri Besar Selangor, YB Amirudin Shari menuaikan solat Jumaat di Masjid Al-Amaniah.



PENYERAHAN BENDERA SUKANUN MPS TURUT SERTA DALAM SUKAN BADAN BERKANUN 2019

PADA 23 hingga 24 Mac 2019 bertempat 222 Sport Centre, Selayang Mall, Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama daripada JMB/MC Strata MPS, Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 12 dan 222 Sport Centre telah menganjurkan Kejohanan Badminton Komuniti Strata Piala Yang Dipertua MPS 2019.

Sebanyak 18 pasukan daripada pelbagai komuniti strata telah menyertai kejohanan ini. JMB Apartment Kenanga telah dinobatkan sebagai Juara dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.00 beserta medal. Manakala JKP Zon 12A dan JKP 12B telah mendapat tempat kedua dan ketiga serta membawa pulang hadiah wang tunai

RM800.00 dan RM500.00 beserta medal. Tempat keempat telah dimenangi oleh JMB Apartment Las Palmas dan membawa pulang hadiah wang tunai RM500.00 beserta medal.

